

Sokongan padu buat Pak Lah

BH - 9/6/2006

Barisan pemimpin Umno sifatkan PM sentiasa utama kepentingan negara

KUALA LUMPUR: Barisan pemimpin tertinggi Umno pusat dan negeri semalam menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan dan kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam mentadbir negara.

Pada masa sama, kalangan pemimpin terbabit juga mempertahankan Presiden Umno dan menjelaskan beliau tidak pernah membelakangkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebaliknya sentiasa mengutamakan kepentingan negara.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, Perdana Menteri ialah pemimpin tegas, mengutamakan kepentingan rakyat dan negara serta amat menghormati Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Abdullah sebenarnya seorang yang tegas dan ia terbukti kerana banyak tindakan beliau begitu berkesan seperti dari segi memulihkan ekonomi, eksport dan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Beliau sentiasa mendengar pan-

dangan dan memberi peluang kepada semua ahli Majlis Tertinggi. Dari situlah baru kita membuat keputusan mengenai dasar parti dan negara," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Abdullah sudah menjalankan tugasnya sebaik mungkin dan apa juga perbezaan dalam cara pentadbiran kerajaan adalah soal cara kepimpinan dan keadaan semasa.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan kritikan Dr Mahathir terhadap Abdullah seolah-olah merendahkan kewibawaan dan integriti bukan saja Perdana Menteri malah kerajaan Malaysia secara keseluruhan.

"Saya kini berada di Melbourne, Australia dan saya mengikuti kenyataan Tun Mahathir terhadap Perdana Menteri," katanya yang mengulas perkara itu menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar kepada *Berita Harian*.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, ti-

dak timbul soal Abdullah menderhaka atau menikam dari belakang pemimpin negara sebelum ini kerana apa saja tindakan beliau, ia adalah demi kepentingan negara.

"Perdana Menteri melaksanakan amanah dan tugas dengan baik selepas diberi mandat besar oleh rakyat dalam pilihan raya umum lalu," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang kecewa dengan kritikan terbuka Dr Mahathir terhadap Abdullah berkata, beliau tidak faham mengapa bekas Perdana Menteri berasa marah begitu.

"Dr Mahathir perlu bertanggungjawab dengan kritikan dan kenyataannya terhadap Perdana Menteri. Kita tidak memerlukan pihak pembangkang sekarang ini. Saya tidak percaya bahawa beliau begitu ingin melihat kerajaan yang ada hari ini jatuh," katanya di Kota Kinabalu, semalam.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique, berkata ada-

lah tidak adil untuk Dr Mahathir mengkritik kepimpinan Perdana Menteri yang membabitkan peranan setiap anggota kerajaan dalam usaha membangunkan negara.

"Perdana Menteri sentiasa memberikan perhatian dan tumpuan meneruskan kesinambungan segala rancangan yang diilhamkan Dr Mahathir, khususnya dalam menjayakan visi dan misi Wawasan 2020," katanya dalam kenyataan di sini.

Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, kajian saintifik Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Khas pada Mei lalu mendapati 70 peratus rakyat menyokong keputusan membatalkan projek jambatan di Tambak Johor.

Beliau berkata, kaji selidik itu juga mendapati 66 peratus rakyat tidak mahu Abdullah memberi sebarang komen terhadap reaksi Dr Mahathir dalam perkara itu.

"Walaupun Dr Mahathir membuat tanggapan sudah membuat pilihan yang salah tetapi keputusan memilih Abdullah sebagai Perdana Menteri dibuat oleh rakyat melalui pilihan

raya umum yang lalu," katanya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, Umno Johor serta kerajaan negeri memberi sokongan padu yang sepenuhnya kepada kepimpinan Abdullah untuk melaksanakan agenda pembangunan negara ke arah Malaysia yang maju.

"Saya bagi pihak Umno dan BN ingin menegaskan kita wajar memberi sokongan sepenuhnya dan komitmen untuk bersama Pak Lah mencapai matlamat dan misi negara," katanya selepas merasmikan Festival Sukan Sikh ke-55 di Johor Bahru, semalam.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata kemampuan Abdullah juga tidak harus dipertikaikan, kerana sudah terbukti beliau berjaya membawa negara ke era kegemilangan dan kecemerlangan.

"Barisan Nasional (BN) Sarawak menyokong penuh kepimpinan Abdullah... kita yakin beliau mampu memimpin kerajaan dan negara kita dengan baik," katanya dalam satu kenyataan ringkas yang difaks kepada media, di Kuching.